

6.1 Penemuan kajian

Pergerakan pelajar asing dari satu negara ke negara lain merupakan satu fenomena yang biasa dalam dunia ini. Malaysia juga mengalami proses pergerakan sedemikian. Namun begitu, pergerakan pelajar kita ke Jepun adalah dilihat sebagai satu kecenderungan yang baru sejak 80-an.

Pencapaian cemerlang Jepun dalam bidang sains dan teknologi serta pengusahaan perniagaan telah menjadikan Jepun sebagai negara agung dalam bidang ekonomi. Dalam pada itu, polisi kerajaan kita pada tahun 80-an yang menggalakkan rakyat Malaysia pandang ke timur juga telah merangsangkan ramai pelajar kita berminat melanjutkan pelajar ke Jepun.

Di sini ingin ditegaskan bahawa kekurangan peluang memasuki Institusi pengajian tinggi di Malaysia telah mendesak para pelajar ingin belajar ke luar negeri. Mereka memilih Jepun semata-mata didorongkan oleh ada peluang belajar sambil bekerja. Ia merupakan satu-satu cara yang sesuai dan memberi peluang kepada seseorang yang tidak berada untuk memperolehi pendidikan serta ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun, pendapatan yang mereka terima biasanya tidak cukup untuk membiayai segala perbelanjaan di Jepun.

Boleh dikatakan bahawa, hampir semua pelajar saradiri adalah pelajar Malaysia Cina. Latar belakang yang 'budaya kanji' ini telah membantu mereka lebih berupaya menguasai bahasa Jepun dan seterusnya telah menunjuk pencapaian yang

memuaskan dalam bidang akademik. Di samping itu, situasi yang mencabar telah menghasilkan semangat tabah dan sikap berdikari. Kadang-kala, keadaan ini turut menimbulkan kesan negatif kepada sosio-psikologi golongan pelajar ini.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa jurang polarisasi antara pelajar Malaysia Melayu dengan Pelajar Malaysia Cina adalah amat nyata dan jelas. Kebanyakan pelajar Malaysia yang memegang biasiswa adalah golongan etnik Melayu, manakala pelajar saradiri adalah golongan etnik Cina. Dalam situasi yang sedemikian, mereka selalu menganggap diri mereka tidak mendapat layanan serta perkhidmatan sosial yang adil dan sewajarnya dari pihak kedutaan Besar Malaysia. Lama-kelamaan, pelajar saradiri ini merasa tidak senang hati terhadap pihak kedutaan, bersikap 'Tidak Terbuka', serta tidak percaya kepada orang lain. Ini merupakan satu fenomena sosio-psikologi yang wujud di kalangan pelajar saradiri di Jepun di mana mereka sentiasa melindungi diri daripada orang yang tidak dikenali mereka. Namun demikian, ikatan sosial di kalangan pelajar saradiri agak erat dan kawan-kawan ini merupakan sumber penyokong sosio-emosi yang penting.

Secara kesimpulan, penghantaran pelajar kita ke luar negeri memang patut digalakkan, memandangkan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

2.2 Komen Dan Cadangan

Bagi pengkaji, pergerakan pelajar saradiri ke negara Jepun akan terus meningkat pada masa depan khususnya 10 tahun yang akan datang. Ramalan ini adalah berdasarkan faktor-faktor seperti hubungan dagang Malaysia - Jepun yang erat, lanjutan tempoh pelaksanaan program latihan di bawah Dasar Pandang Ke Timur (DPT), peluang kemasukan universiti tempatan masih terhad, Dasar internasionalisasi pendidikan Jepun oleh kerajaan Jepun dan peluang belajar sambil bekerja. Oleh itu, pihak-pihak yang terlibat haruslah mengatur langkah-langkahnya sewajarnya untuk menerima gelombang pelajar ini supaya ia tidak akan menimbulkan kesan negatif akibat dari fenomena penghijrahan pelajar asing itu.

Pelajar-pelajar saradiri ini menghadapi banyak masalah. Beberapa langkah dicadangkan untuk mengatasi hal

A. Pihak Jepun

Dengan meningkatnya bilangan pelajar asing di Jepun, Kerajaan Jepun adalah disyor supaya mengambil langkah yang praktikal untuk memberi bantuan kepada pelajar saradiri, terutamanya dari segi keperluan sosial dan kebajikan. Dengan adanya rancangan yang baik, secara langsungnya, pelajar Malaysia saradiri akan turut dapat menikmati faedahnya. Beberapa cadangan telah diisukan seperti berikut ;

Supaya setiap universiti atau kolej menyediakan asrama kepada pelajar asing yang memerlukan tempat tinggal, terutamanya di bandar-bandar besar seperti Tokyo, Osaka dan Kyoto untuk menampung keperluan pelajar asing.

Supaya Monbusho mengadakan satu skim subsidi khas kepada pelajar saradiri diperingkat universiti dan kolej.

Supaya pelajar persendirian di Jepun diberi perkhidmatan sosial yang sama disediakan oleh Kementerian Pendidikan, Sains dan Kebudayaan kepada pelajar biasiswa. Pertubuhan Pendidikan Antarabangsa Jepun (AIEJ) boleh ditugas menjalankan perkhidmatan ini.


Supaya pihak universiti memudahkan sistem penerimaan kemasukan universiti dan prosedur memohon kemasukan universiti boleh dilakukan di negara sendiri berdasarkan dokumen-dokumen dan sijil-sijil tertentu. Ujian Kelayakan Kemasukan Pusat Pengajian Tinggi, Ujian Kecekapan Bahasa Jepun dan Peperiksaan Am bagi pelajar asing boleh dikendalikan oleh Kedutaan Jepun di Malaysia.

Supaya pihak universiti Jepun menganjurkan 'kursus Program Jepun' di Malaysia seperti kursus-kursus luar negeri yang telah dilaksanakan oleh negara barat. Program ini akan memberi lebih peluang kepada pelajar Malaysia dan menjimatkan kos perbelanjaan.


B. Pihak Kedutaan Besar Malaysia Di Jepun

Setakat ini, kakitangan Kedutaan Malaysia yang ditugaskan khas untuk menjaga hal-ehwal pelajar Malaysia di Jepun adalah tidak mencukupi. Untuk memperkesakan lagi fungsi kedutaan Besar Malaysia dalam mengurus hal-ehwal Pelajar Malaysia di Jepun, satu struktur organisasi Bahagian Hal-Ehwal Pelajar Malaysia di cadangkan seperti rajah 14.

Rajah 14 : Struktur Fungsi MSAO (Malaysian Students Advisory Office)



Rajah 15 : Struktur Organisasi PKPMJ



*) - 2 orang wakil setiap negeri dan seorang daripada tiap-tiap negeri akan dimasukkan dalam barisan Eksekutif. Yang lain akan ditugaskan dalam Ahli Jawatankuasa Tugas-tugas khas.

4. Malaysia Students Advisory Office (MSAO)

Bahagian ini bertugas mengendalikan segala hal-ehwal pelajar-pelajar Malaysia di Jepun di bawah Kedutaan Besar Malaysia. Ia menjadi penasihat atau penyelia kepada subbahagian lain seperti pegawai khas I dan pegawai khas II, Bilik Bimbingan, Asrama Malaysia dan PKPMJ.

Fungsinya sebagai 'ibu' kepada pelajar Malaysia dan harus mementingkan 3 keperluan mereka yang utama, iaitu:

- a. keperluan "Survial"
- b. Keperluan maklumat
- c. Keperluan interaksi

Ketiga-tiga aspek diatas adalah saling berkaitan dan berfungsi. Keperluan 'survival' dirujuk kepada keperluan asas seperti tempat penginapan dan institusi pengajian, keperluan pengiktifan sebagai pelajar Malaysia dan keperluan sosio-psikologi. Manakala keperluan maklumat dilihat dari segi maklumat mengenai Institusi Pengajian Tinggi di Jepun, maklumat Tanah air, maklumat arubaito atau pekerjaan selepas tamat pengajian. Dan keperluan interaksi pula dipandang sebagai keperluan sosial manusia yang penting khususnya di kalangan pelajar Malaysia sendiri dan masyarakat Jepun amnya. Untuk mencapai matlamat ini, pembahagian kerja atau tugas hendaklah dilakukan melalui subbahagian yang dinyatakan tadi.

Di samping itu, MSAO perlu sentiasa mengambil inisiatif untuk membina hubungan mesra dengan pelajar Malaysia dan menanamkan 'semangat Malaysia' atau semangat kekitaan di kalangan pelajar. Sebagai contoh, mengadakan majlis orientasi atau Hari Suai-kenal dua kali setahun (April & Oktober) bagi pelajar yang baru. Dalam masa itu, mereka akan berpeluang berinteraksi dengan pelajar lain dan merasai semangat persahabatan pelajar Malaysia. Kandungan program boleh diaturkan seperti berikut:

1. Pengenalan kehidupan pelajar di Jepun (melalui pertunjukan video, slide atau risalah).
2. Pengenalan MSAO, Counseling Room, PKPMJ.
3. Perbincangan secara kumpulan
4. Interaksi

Pihak Kedutaan Besar Malaysia boleh menyediakan biasiswa atau subsidi kepada pelajar saradiri. Satu langkah paling berkesan ialah membina sebuah asrama Malaysia khas untuk pelajar Malaysia supaya dapat mengeratkan ikatan sosial pelajar Malaysia, menyelesaikan masalah perumahan yang serius dan memudahkan kedutaan mengawal terhadap pelajar Malaysia.

Selain daripada itu, pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Jepun diwajibkan mendaftar diri di MSAO dalam tempoh masa sebulan selepas tiba ke Jepun. Jika mereka tidak berbuat demikian, hukuman boleh diadakan. Langkah-langkah boleh dijalankan seperti:

1. Meminta kerjasama dari Kedutaan Jepun di Malaysia supaya memberi notis dan menekankan kepentingan hal ini kepada pelajar Malaysia semasa memohon VISA.
2. Membuat publisiti di Malaysia melalui suratkhbar harian, JAGAM (Persatuan Bekas Mahasiswa-mahasiswa Jepun di Malaysia) dan seminar pendidikan.
3. Menghantar notis kepada agensi perwakilan sekolah bahasa Jepun di Malaysia dan juga sekolah-sekolah Bahasa Jepun di Jepun.

Keadaan ini telah dilaksanakan oleh kerajaan China dengan kerjasama kerajaan Jepun. Asrama-asrama yang telah dibina seperti Korakuryo Nitchu Yuko Kaikan dan Ota Kinenkan.

b. Persatuan Kebangsaan Pelajar Malaysia (PKPMJ)

Memandangkan PKPMJ merupakan satu-satu persatuan yang mewakili pelajar Malaysia, maka ia memainkan peranan penting dalam menjaga kepentingan dan kebajikan ahli serta sentiasa bersedia memberi perkhidmatan sosial kepada pelajar Malaysia.

Satu pusat kegiatan persatuan adalah sangat diperlukan untuk membolehkan pelajar Malaysia menjalankan aktiviti-aktiviti dan berinteraksi. Dan pusat ini harus dibuka mengikut waktu kerja iaitu Isnin hingga Sabtu.

Di sini, pengkaji ingin mencadangkan satu kegiatan yang belum dilaksanakan oleh persatuan iaitu membekalkan perkhidmatan menunggu ketibaan pelajar-pelajar baru di airport.² Ia boleh dikendalikan oleh AJK Tugas-tugas Khas mengikut negeri-negeri masing. Kaedah ini telah lama dilaksanakan sempurna oleh persatuan pelajar-pelajar Malaysia di Taiwan dan mendatangkan kesan yang sungguh memuaskan.

c. Bilik Bimbingan

Bilik ini digunakan untuk memberi bimbingan kepada pelajar Malaysia dan ia berperanan penting dalam membantu mereka mengatasi masalah kehidupan sosial dan konflik budaya. Langkah ini adalah amat mustahak seperti yang ditekankan oleh David Whittaker (1987:248).

- ~~~~~
2. Bila pelajar baru pertama kali sampai ke Jepun di airport, selalunya dia akan merasa bimbang. Masa itu dia amat memerlukan bantuan orang lain terutamanya untuk menunjukkan jalan. Selain daripada pelajar biasiswa, sistem perkhidmatan sebegitu tidak lagi disediakan untuk pelajar persendirian, terutamanya mereka yang datang seorang diri.

c. Pihak Pelajar Malaysia

Tujuan menuntut di Institusi Pengajian Tinggi adalah bertujuan untuk meningkatkan kecerdasan akal dan kemahiran tertentu. Namun demikian, satu matlamat asas bagi pendidikan tinggi seperti yang ditekankan oleh Whittaker dengan pandangan Cangemi (1987:249) ialah untuk mengembang kewujudan personaliti sendiri (Self-actualizing Personalities).³ Hal ini juga ditekankan oleh Wilson (1985:7).⁴

Oleh itu, untuk mencapai matlamat diatas, seseorang pelajar asing harus menitikberatkan aspek interaksi sosial dengan masyarakat Jepun. Interaksi sosial ini melibatkan tindakan saling balas-membalas serta norma-norma sosial dan seterusnya saling mempengaruhi satu sama lain.

~~~~~

3. David Whittaker berkata, "As many foreign students will have some serious problems that best require professional help, it is realistic to suggest here that the ideal stance, if the need so arises, is that such students will be able to promptly recognize this fact, seek out appropriate help, establish support quickly, and expeditiously respond to the counseling. .... It is, therefore, important the foreign students be able to seek and use Counseling effectively, and simultaneously maintain their personal-cultural order while facing the sophisticated challenges posed by studying abroad."

4. Menurut A. H. Wilson , "The special value of studying abroad not only includes this basic purpose along with fulfilling vocational aspirations but also offers the specific opportunity truly to begin to bridge between cultures, increase cross-cultural awareness, and develop a cooperative cosmopolitan world view."

Selain daripada itu, seorang pelajar juga mengalami masalah penyesuaian sosio-emosi di negara asing. Salah satu cara mengatasi ialah cuba menyertai masyarakat itu dan berinteraksi dengan rakyat tuan rumah Jepun yang berfungsi sebagai faktor 'positive correlational', iaitu semakin erat perhubungan sosial, semakin rendah darjat tekanan hidup seseorang. (Vaz, 1985:2259A) Mereka yang menikmati kemesraan persahabatan adalah pelajar yang mempunyai interaksi sosial dengan orang lain.

Di sini, ingin ditegaskan bahawa budaya masyarakat Jepun telah dikenali sebagai suatu budaya yang tidak mudah difahami dan mereka amat mengutamakan sikap pendiam (taciturn) atau faktor bukan lisan dalam proses komunikasi. Maka pelajar Malaysia perlulah memahami norma-norma sosial, simbol-simbol sosial, kepercayaan dan sentiasa flexible dalam sebarang interaksi sosial dengan orang Jepun, supaya dapat mengeratkan ikatan sosial dengan mereka.